

## MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH



### DOKUMEN SEBUT HARGA PERKHIDMATAN

#### TAJUK PERKHIDMATAN :

**MPAG/SH/08/2024 - PERKHIDMATAN PENEBANGAN  
POKOK-POKOK YANG BERPOTENSI  
MEMBAHAYAKAN KESELAMATAN ORANG AWAM DI  
LOKASI JALAN PARIT MELANA - KG PULAU DAN  
JALAN SIMPANG GADING - JALAN DURIAN TUNGGAL  
UNTUK MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH  
TAHUN 2024**

1.	Nama Syarikat	:	
2.	No.Telefon	:	
3.	No.Resit	:	

**PERKHIDMATAN PENEBAKAN POKOK-POKOK YANG BERPOTENSI MEMBAHAYAKAN  
KESELAMATAN ORANG AWAM DI LOKASI JALAN PARIT MELANA - KG PULAU DAN  
JALAN SIMPANG GADING - JALAN DURIAN TUNGGAL UNTUK  
MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH TAHUN 2024**

<b>ITEM</b>	<b>KANDUNGAN</b>
1.	SENARAI SEMAKAN
2.	KENYATAAN SEBUT HARGA
3.	ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA (LAMPIRAN A)
4.	SYARAT-SYARAT TEKNIKAL DAN SPESIFIKASI SEBUT HARGA (LAMPIRAN B)
5.	BORANG SEBUT HARGA (LAMPIRAN Q)
6.	JADUAL HARGA TAWARAN (LAMPIRAN C)
7.	MAKLUMAT LATAR BELAKANG PENYEBUT HARGA
8.	SURAT AKUAN PEMBIDA (LAMPIRAN A1)

DOKUMEN MEJA TAWARAN

**SENARAI SEMAK  
(BEKALAN/PERKHIDMATAN)**

Sila tandakan  /  bagi dokumen-dokumen **WAJIB** yang perlu disertakan.

Bil.	Perkara/Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Di tanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
1.	Ringkasan Sebut Harga telah diisi dengan lengkap (termasuk nilai tawaran dan tarikh penyempurnaan), ditandatangani dan Cop Syarikat ( <b>Lampiran Q</b> )	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.	Jadual Harga Tawaran ( <b>Lampiran C</b> )	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3.	Maklumat Latar Belakang Penyebut Harga (Sila Lampirkan Profail Syarikat – sekiranya ada)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4.	Surat Akuan Pembida ( <b>Lampiran A1</b> )	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5.	Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan (SSM)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan (Perkhidmatan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7.	<del>Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi Tiga (3) Bulan Terakhir yang disahkan oleh pegawai bank</del>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

**PENGESAHAN OLEH SYARIKAT**

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen Sebut Harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar

Tandatangan:

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

Cop Kontraktor:

**UNTUK KEGUNAAN JABATAN**

Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. ....(jika ada)

Tandatangan:

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

Tandatangan:

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

Tandatangan:

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

Tandatangan:

Nama:

Jawatan:

Tarikh:



## MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH

### NOTIS SEBUT HARGA BEKALAN DAN PERKHIDMATAN

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Majlis Perbandaran Alor Gajah serta berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang yang berkaitan, sama ada bertaraf Bumiputera dan masih sah tempohnya serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi perkhidmatan berikut :-

KETERANGAN SEBUT HARGA	KOD BIDANG & TARAF	TARIKH DOKUMEN DIJUAL	HARGA DOKUMEN	TEMPAT, TARIKH DAN WAKTU SEBUT HARGA DITUTUP
<b><u>MPAG/SH/08/2024</u></b>  PERKHIDMATAN PENEBAKAN POKOK-POKOK YANG BERPOTENSI MEMBAHAYAKAN KESELAMATAN ORANG AWAM DI LOKASI JALAN PARIT MELANA - KG PULAU DAN JALAN SIMPANG GADING - JALAN DURIAN TUNGGAL UNTUK MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH TAHUN 2024.	<u>Kod Bidang:</u>  <b>221401</b> - Bangunan/Hiasan Dalaman (tidak termasuk pelanskapan dan seni taman)  <b>ATAU</b>  <b>221402</b> - Hiasan Jalan/Kawasan (tidak termasuk pelanskapan dan seni taman)  Tarf: <b>Bumiputera</b>	<u>Tarikh Dokumen Dijual:</u>  <b>26 MAC 2024 (SELASA)</b>  <b>Sehingga</b>  <b>1 APRIL 2024 (ISNIN)</b>	<u>Harga Dokumen:</u>  <b>RM 50.00</b> Tidak akan dikembalikan	<u>Tempat:</u>  Peti Tawaran, Unit Perolehan, Tingkat 2, Majlis Perbandaran Alor Gajah, Lebuh AMJ, Alor Gajah, Melaka.  <u>Tarikh Sebut Harga Ditutup:</u>  <b>2 APRIL 2024 (SELASA)</b>  <u>Waktu Sebut Harga Ditutup:</u>  <b>12.00 tengah hari</b>

1. Dokumen sebut harga **HANYA** boleh dimuat turun dari **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** yang boleh dicapai melalui alamat <http://stom.melaka.gov.my>. Sebut harga dianggap **BATAL** dan tidak akan dipertimbangkan sekiranya syarikat membuat salinan pendua daipada dokumen sebut harga yang asal.

1. **MENDAFTAR DI STOM**



<https://stom.melaka.gov.my>

2. **CIPTA AKAUN DI PORTAL E-BAYAR**



<https://ebayar.melaka.gov.my>

3. **BACA DAN FAHAMI MANUAL SISTEM STOM**



<https://stom.melaka.gov.my/docs>

2. Pihak Kontraktor / Pembekal / Syarikat perlu melengkapkan pendaftaran akaun serta langganan di **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** dengan caj langganan sebanyak **RM50.00 setahun** dan membuat **pembelian sebut harga secara atas talian**.
3. Untuk makluman, syarikat yang ingin membeli dokumen sebut harga dan belum pernah berdaftar dikehendaki berdaftar terlebih dahulu sebagai pembekal MPAG dengan yuran pendaftaran sebanyak **RM50.00** bagi kategori **bekalan & perkhidmatan** dengan **mengemukakan Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM), Penyata Kewangan Syarikat dan Profil Syarikat**.
4. Bagi syarikat yang **telah berdaftar sebagai pembekal MPAG**, perlulah memastikan pendaftaran syarikat kekal aktif dan telah diperbaharui sebelum membeli dokumen sebut harga. Kadar yuran pembaharuan pendaftaran adalah sebanyak **RM 30.00 setahun**.
5. Bagi sebarang urusan **pendaftaran** atau **pembaharuan pendaftaran syarikat dengan MPAG**, hendaklah dilakukan secara atas talian melalui **Sistem eSyarikat** yang boleh dicapai melalui alamat <http://portal.mpag.gov.my/esyarikat>
6. Sila lampirkan resit pembelian dokumen sebut harga dan dikepilkhan bersama dokumen sebut harga.
7. Majlis tidak terikat untuk menerima sebut harga dengan harga terendah atau mana-mana harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Lembaga Perolehan adalah muktamad.

**YANG DIPERTUA,  
MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH  
LEBUH AMJ, 78000 ALOR GAJAH, MELAKA**

Tarikh : **25 MAC 2024**

**LAMPIRAN A****ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA****1. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUT HARGA**

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

**2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA****a. Penyediaan Sebut Harga**

Syarikat adalah dikehendaki melengkapkan segala maklumat berikut dengan sepenuhnya:-

- (a) Lampiran Q
- (b) Lampiran C – Jadual Harga Tawaran
- (c) Maklumat Latar Belakang Penyebut Harga
- (d) Surat Akuan Pembida (Lampiran A1)

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas, Penyebut harga hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

**b. Penyerahan Dokumen Sebut Harga**

- (a) Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam ke dalam satu (1) sampul surat yang berlakri serta dicatatkan dengan bilangan sebut harga serta tajuk sebut harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut Harga.
- (b) Jika Dokumen Sebut Harga tidak diserahkan dengan tangan, Penyebut Harga hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.
- (c) Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

**c. Penjelasan Lanjut**

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, Penyebut harga boleh menghubungi pejabat berikut untuk penjelasan lanjut:

**Unit Perolehan**  
**Majlis Perbandaran Alor Gajah**  
**No. Tel: 06-5562575**  
**No. Fax : 06-5564909**

**3. PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA**

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh penyebut harga sendiri.

**LAMPIRAN B****SYARAT-SYARAT TEKNIKAL DAN SPESIFIKASI SEBUT HARGA****1.0 KESELAMATAN PEKERJA & KESELAMATAN AWAM (PUBLIC LIABILITY)**

- 1.1 Kontraktor adalah dikehendaki mengadakan perlindungan keselamatan ke atas semua pekerja dan peralatan kerja. Kontraktor juga dikehendaki mengadakan polisi Insurans untuk "Workmen Compensation" dan menyerahkan salinan resit premium kepada Yang Dipertua atau wakilnya sebelum memulakan kerja.
- 1.2 Segala kemalangan atau kerugian yang timbul dan pekerja-pekerja dan peralatan adalah dibawah tanggungjawab kontraktor. Segala kemalangan atau kerosakan hartabenda awam adalah dibawah tanggungan pihak kontraktor. Pihak kontraktor juga hendaklah mengemukakan satu salinan "Public Liability" kepada Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Alor Gajah sebelum memulakan kerja.
- 1.3 Kontraktor hendaklah memastikan pekerja-pekerja beruniform dengan kemas setiap masa dan memastikan memaparkan nama Syarikat di uniform pekerja.
- 1.4 Kontraktor hendaklah melaksanakan kerja-kerja yang telah dipersetujui seperti yang tercatat dalam spesifikasi kerja tanpa menimbulkan sebarang kacauanggu semasa atau selepas perlaksanaan kerja-kerja kepada pengguna atau orang awam.
- 1.5 Merujuk kepada surat pemakluman keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) P.15 Bil.6/2023 bertarikh 22 Mac 2023, petender yang Berjaya hendaklah mengemukakan keperluan insuran seperti yang dinyatakan di dalam kontrak Perbadanan Melaka Holdings Sdn Bhd (PMH) yang beralamatkan seperti berikut:

**PERBADANAN MELAKA HOLDINGS SDN BHD**

10-5, Aras 5, Kota Cemerlang,  
Ayer Keroh, 75450 Melaka.

Telefon: 016-742 4941 (Muhammad Noorazhar bin Hishamuddin)  
Faks: 06-232 1209

**2.0 TEMPOH KONTRAK**

- 2.0 Tempoh kontrak adalah selama **8 Minggu**.
- 2.1 Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) berhak menamatkan kontrak pada bila-bila masa dalam tempoh kontrak jika didapati Penyebut harga telah gagal melaksanakan kontrak dengan baik.
- 2.2 Sekiranya kontraktor gagal melaksanakan kerja-kerja yang dinyatakan di atas, Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) berhak melantik kontraktor yang lain dan segala kos yang terlibat untuk melaksanakan kerja-kerja tersebut akan ditanggung sepenuhnya oleh kontraktor.

**LAMPIRAN B****3.0 PEMBAYARAN**

- a. Pembayaran kepada kontraktor akan dibuat **selepas penerimaan tuntutan dan laporan** daripada pihak kontraktor selepas didapati kerja-kerja yang dilaksanakan adalah secara sempurna. Yang Dipertua atau wakilnya boleh atas budibicara membuat potongan sekiranya kerja-kerja yang dilaksanakan tidak memuaskan.

**4.0 DENDA GANTIRUGI KELEWATAN**

Jika Kontraktor gagal menyiapkan kerja pada "Tarikh Siap" yang dinyatakan atau dalam sesuatu lanjutan masa yang telah diberikan terhadapnya dan Pegawai Pengguna memperakui secara bertulis bahawa pendapatnya kerja tersebut dengan munasabahnya sepatutnya telah siap, Kontraktor hendaklah membayar atau memberikan kepada Majlis suatu jumlah yang dikira mengikut kadar yang dinyatakan dalam lampiran sebagai Gantirugi Tertentu dan Gantirugi yang ditetapkan selama tempoh Kerja tersebut. Formula pengiraan seperti berikut :-

$$\frac{\text{BLR} \times \text{Harga Kontrak}}{365}$$

Atau

RM 100.00/ hari

Yang mana lebih tinggi

**5.0 SPESIFIKASI PENEBAKAN POKOK DAN PEMBERSIHAN SISA-SISA PENEBAKAN**

- i. Pokok-pokok yang ditebang hendaklah mengikut sepertimana yang telah ditandai dengan cat merah oleh pihak majlis. Sebarang kerugian akibat kesilapan dalam pemilihan pokok yang ditebang adalah di bawah tanggungjawab pihak kontraktor sepenuhnya.
- ii. Batang pokok yang ditebang hendaklah bersamaan dengan aras tanah atau mengikut sepertimana arahan oleh MPAG/Pengarah Pengindahan Bandar.
- iii. Pihak kontraktor hendaklah berurusan sendiri dengan agensi-agensi yang berkaitan seperti **Jabatan Perhutanan, PDRM, JPS, TNB, TM dll.** jika kerja-kerja yang dilaksanakan mempunyai kaitan atau memerlukan kebenaran rasmi dari agensi-agensi tersebut. Sebarang kesulitan atau permasalahan yang timbul dengan agensi-agensi berkaitan adalah di bawah tanggungjawab pihak kontraktor sepenuhnya.
- iv. Segala batang, dahan, daun dan sisa-sisa penebangan hendaklah dibersihkan dan dilupuskan di kawasan yang diluluskan oleh pihak berkuasa (*approved dumping area*). Sebarang kesulitan atau permasalahan yang timbul berkaitan pelupusan sisa-sisa penebangan adalah di bawah tanggungjawab pihak kontraktor sepenuhnya.
- v. Pihak majlis berhak meminta pihak kontraktor yang dilantik untuk mengemukakan resit rasmi sebagai bukti kerja-kerja pelupusan sampah adalah di lokasi yang dibenarkan.

**LAMPIRAN Q**

(Kew 284-Pin 5/94)

T.T. PEMBUKA SEBUT HARGA

T.T. PEMBUKA SEBUT HARGA

**KERAJAAN MALAYSIA  
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)  
MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH  
NEGERI MELAKA**

**PERKHIDMATAN PENEBAKAN POKOK-POKOK YANG BERPOTENSI MEMBAHAYAKAN  
KESELAMATAN ORANG AWAM DI LOKASI JALAN PARIT MELANA - KG PULAU DAN  
JALAN SIMPANG GADING - JALAN DURIAN TUNGGAL UNTUK  
MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH TAHUN 2024**

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

Kepada Penyebut Harga (Nama Syarikat):

.....

.....

.....

Nombor Telefon: .....

Nombor Pendaftaran dengan Kementerian  
Kewangan : .....Kod bidang Pendaftaran yang relevan dengan  
perkhidmatan ini : **221401 ATAU 221402**

Pelawaan Sebut harga dikeluarkan oleh:

Unit Perolehan  
Majlis Perbandaran Alor Gajah  
Alor Gajah,  
78000 Melaka.

No. Telefon : 06-5562575

Tarikh : .....

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan dibawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:

- 1.1 Syarat penyerahan/penyempurnaan adalah seperti **MPAG/SH/08/2024**
- 1.2 Arahan kepada Penyebut Harga seperti di Lampiran A.
- 1.3 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam satu (1) sampul surat yang berlakri serta menulis **MPAG/SH/08/2024**
- 1.4 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat seperti yang dinyatakan dalam arahan kepada penyebut harga tidak lewat pada jam **12.00 tengahari pada 2 April 2024**.
- 1.5 Tempoh sah laku sebut harga hendaklah **90 hari selepas tarikh tutup**.

Bil	Perihal bekalan/perkhidmatan Syarat-syarat Khas	Harga (RM)
	Untuk diisi Kementerian / Jabatan	Untuk diisi oleh Penyebut Harga
	<p>PERKHIDMATAN PENEBAKAN POKOK-POKOK YANG BERPOTENSI MEMBAHAYAKAN KESELAMATAN ORANG AWAM DI LOKASI JALAN PARIT MELANA - KG PULAU DAN JALAN SIMPANG GADING - JALAN DURIAN TUNGGAL UNTUK MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH TAHUN 2024.</p> <p>Jadual Harga Tawaran hendaklah dilengkapkan dan jumlah tawaran adalah sama seperti di <b>Lampiran C</b>.</p>	<b>RM</b>

- (i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih.
- (ii) Bekalan/perkhidmatan adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-
  - a) Arahan kepada Penyebut Harga seperti di Lampiran A.
  - b) Syarat-syarat dan Spesifikasi di Lampiran B.
  - c) Jadual Harga Tawaran seperti di Lampiran C.

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan bekalan/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan  
Penyebut Harga: .....

Nama dan No. K/P:.....

Alamat Syarikat: .....

Tarikh:.....

**MAKLUMAT LATAR BELAKANG PENYEBUT HARGA**

Segala butir dilampirkan ini hendaklah diisi oleh penyebut harga dengan betul dan lengkap dan dikembalikan bersama-sama dengan sebut harga. Kegagalan berbuat demikian boleh mengakibatkan sebut harga ini ditolak atau / dan tidak dipertimbangkan.

**LATAR BELAKANG PENYEBUT HARGA**

1. Nama Syarikat : .....
2. Alamat Syarikat : .....  
.....  
.....
3. No. Pendaftaran Syarikat : .....
4. No. Telefon/No. Fax : .....
5. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia:  
No. Pendaftaran : .....  
Tempoh Sah Laku : .....
6. Pendaftaran Taraf Bumiputera dengan Kementerian Kewangan Malaysia :  
No. Pendaftaran : .....  
Tarikh Tamat : .....
7. Pendaftaran GST dengan Kastam Diraja Malaysia (jika ada) :  
No. Pendaftaran : .....  
Tarikh Daftar : .....

8. Pengalaman dalam penyelenggaraan landskap dalam tahun 2022 dan 2023

BIL	NAMA KEMENTERIAN/ AGENSI / PIHAK BERKUASA TEMPATAN	TAHUN DILAKSANAKAN	LOKASI
1			
2			
3			
4			
5			

9. Bersama-sama ini disertakan satu salinan yang telah disahkan atau surat-surat akuan seperti yang tersebut dibawah ini:-

- i) Sijil Pendaftaran Perniagaan atau Sijil Penubuhan Syarikat
- ii) Sijil Akuan Pendaftaran kontraktor dengan Kementerian Kewangan Malaysia

Saya mengakui semua keterangan yang diberikan adalah benar.

.....  
Tandatangan

.....  
Cop Rasmi Syarikat

Nama : .....

No. Kad Pengenalan : .....

**LAMPIRAN A1****SURAT AKUAN PEMBIDA**

Bagi

**MPAG/SH/08/2024 - PERKHIDMATAN PENEBANGAN POKOK-POKOK YANG BERPOTENSI  
MEMBAHAYAKAN KESELAMATAN ORANG AWAM DI LOKASI JALAN PARIT MELANA - KG  
PULAU DAN JALAN SIMPANG GADING - JALAN DURIAN TUNGGAL UNTUK  
MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH TAHUN 2024**

Saya, ..... No. Kad Pengenalan ..... yang  
mewakili ..... nombor Pendaftaran.....  
dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa - apa suapan kepada manamana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisyiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH** atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

- 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
- 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa tindakan berikut akan diambil :

- 3.1 Didakwa bagi kesalahan\*\* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing- masing untuk kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i); atau
- 3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam Surat Akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (*turn over*) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat\*\*\* memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan : .....

Nama : .....

No. KP : .....

Tarikh : .....

Cop Syarikat : .....

Catatan:

- (i) \*\*termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan[Akta 574].
- (ii) \*\*\*seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.

Pihak Syarikat : Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini.

Pihak Kerajaan : Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak.

**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN PENEBAKAN DAN CANTASAN POKOK-POKOK YANG BERPOTENSI MEMBAHAYAKAN KESELAMATAN ORANG AWAM DI LOKASI JALAN PARIT MELANA - KG. PULAU DAN JALAN SIMPANG GADING - JALAN DURIAN TUNGGAL UNTUK MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH TAHUN 2024**

BIL	BUTIRAN KERJA	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	HARGA (RM)
A.	<b>PRELEMINARIES</b>				
1	Insuran dan Kemalangan dan Kerosakan Harta Benda				
2	Insurans Kerja	Pukal	-	-	
3	Menyediakan segala peralatan keselamatan dan alat perlindungan diri (PPE) yang mencukupi semasa bekerja seperti, safety vest, bendera/flagman, beacon light, kon keselamatan, papan tanda isyarat kerja dll. untuk menjamin keselamatan pekerja dan juga orang awam.				
<b>JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN AKHIR :</b>					

.....  
**(Tandatangan Kontraktor)**  
**Tarikh :**

**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN PENEBAKAN DAN CANTASAN POKOK-POKOK YANG BERPOTENSI MEMBAHAYAKAN KESELAMATAN ORANG AWAM DI LOKASI JALAN PARIT MELANA - KG. PULAU DAN JALAN SIMPANG GADING - JALAN DURIAN TUNGGAL UNTUK MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH TAHUN 2024**

BIL	BUTIRAN KERJA	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	HARGA (RM)
B.	<p>Menyediakan buruh, peralatan dan pengangkutan bagi menjalankan kerja-kerja <b>Penebangan dan Pelupusan</b> pokok-pokok yang berpotensi membahayakan keselamatan orang awam mengikut sepertimana arahan oleh Pegawai Pengguna.</p> <p>Batang, dahan dan daun pokok yang ditebang hendaklah dilupuskan di tempat pembuangan yang diluluskan (<i>approved dumping area</i>). Sisa-sisa sampah selepas kerja hendaklah dibersihkan dan keadaan tapak hendaklah dalam keadaan bersih sepertimana sebelumnya.</p> <p>Segala kerosakan dan kemalangan disebabkan kerja-kerja penebangan pokok dan kerja yang berkaitan adalah sepenuhnya di bawah tanggungjawab kontraktor yang dilantik. Segala kerosakan hendaklah diperbaiki, dibina baru atau <i>making good</i> mengikut sepertimana arahan oleh Pegawai Pengguna.</p> <p><b>1. Jalan Parit Melana - Kg. Pulau, Durian Tunggal</b></p> <p>i) Spesis : Pokok kayu manis Deskripsi Pokok : TD 200mm - 500mm, OH 10M - 20M, Silara 15M - 20M <b>Menebang</b> pokok-pokok berkaitan berdasarkan pokok tidak sihat, batang utama telah reput,dahan-dahan menjulur ke arah jalanraya, dahan menutupi lampu jalan dan papan tanda serta menjelaskan kabel TNB &amp; Telekom. Perlukan penggunaan skylift, JCB dan Roro.</p> <p>ii) Spesis : Pokok kekabu Deskripsi Pokok : TD 500mm - 1000mm, OH 15M - 20M, Silara 15M - 20M <b>Menebang</b> pokok-pokok berkaitan berdasarkan dahan-dahan yang telah menjulur ke arah jalanraya, dahan menutupi lampu jalan dan papan tanda serta menjelaskan kabel TNB &amp; Telekom. Perlukan penggunaan skylift, JCB dan Roro.</p>				
	<b>JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN AKHIR :</b>				

(Tandatangan Kontraktor)

Tarikh :

**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN PENEBAKAN DAN CANTASAN POKOK-POKOK YANG BERPOTENSI MEMBAHAYAKAN KESELAMATAN ORANG AWAM DI LOKASI JALAN PARIT MELANA - KG. PULAU DAN JALAN SIMPANG GADING - JALAN DURIAN TUNGGAL UNTUK MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH TAHUN 2024**

BIL	BUTIRAN KERJA	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	HARGA (RM)
iii)	<p>Spesis : Pokok sena</p> <p>Deskripsi Pokok : TD 500mm - 1000mm, OH 15M - 20M, Silara 15M - 20M</p> <p><b>Menebang</b> pokok-pokok berkaitan berdasarkan pokok tidak sihat,dahan-dahan menjulur ke arah jalanraya, dahan menutupi lampu jalan serta menjejaskan kabel TNB &amp; Telekom. Perlukan penggunaan skylift, JCB dan Roro.</p>	Nos	2		
2.	<b>Jalan Simpang Gading - Jalan Durian Tunggal</b>				
i)	<p>Spesis : Pokok tekoma</p> <p>Deskripsi Pokok : TD 300mm - 500mm OH 15M - 20M, Silara 15M - 20M</p> <p><b>Menebang</b> pokok-pokok berkaitan bagi mengelakkan pokok tumbang yang boleh membahayakan keselamatan orang dan harta awam.</p>	Nos	52		
ii)	<p>Spesis : Pokok Palma raja</p> <p>Deskripsi Pokok : TD 500mm - 1000mm OH 15M - 20M, Silara 10M - 15M</p> <p><b>Menebang</b> pokok-pokok palma berkaitan berdasarkan pokok tidak sihat dan batang utama telah reput. Perlukan penggunaan skylift, JCB dan Roro.</p>	Nos	6		
<b>JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN AKHIR :</b>					

.....  
**(Tandatangan Kontraktor)**  
**Tarikh :**

**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN PENEBAKAN DAN CANTASAN POKOK-POKOK YANG  
BERPOTENSI MEMBAHAYAKAN KESELAMATAN ORANG AWAM DI LOKASI JALAN PARIT MELANA -  
KG. PULAU DAN JALAN SIMPANG GADING - JALAN DURIAN TUNGGAL UNTUK MAJLIS  
PERBANDARAN ALOR GAJAH TAHUN 2024**

**RINGKASAN AKHIR SEBUT HARGA**

ITEM	BUTIRAN / PERKARA	MUKA SURAT	JUMLAH KONTRAK (RM)
A	PRELIMINARIES	1/5	
B	KERJA-KERJA PENEBAKAN POKOK 1) JALAN PARIT MELANA - KG. PULAU, DURIAN TUNGGAL 2) JALAN SIMPANG GADING - JALAN DURIAN TUNGGAL	2/4 & 3/4 4/4	
<b>JUMLAH KESELURUHAN KONTRAK (RM)</b>			

Tempoh Siap Kerja Maksimum : **6 MINGGU**. KEGAGALAN PIHAK TUAN MEMATUHI TEMPOH MASA YANG DITETAPKAN BOLEH MENJEJASKAN PELUANG KERJA PADA MASA AKAN DATANG.

**Nama:** .....

**No. K.P:** .....

.....  
**(Tandatangan Kontraktor)**


Tarikh :

## JALAN SIMPANG GADING - PEKAN DURIAN TUNGGAL



ANTARA POKOK TEKOMA DAN PALMA YANG HENDAK DITEBANG KERANA IANYA  
TELAH MENJEJASKAN FASILITI AWAM DAN JUGA KESELAMATAN ORANG AWAM

## JALAN SIMPANG GADING - PEKAN DURIAN TUNGGAL



ANTARA POKOK TEKOMA DAN PALMA YANG HENDAK DITEBANG KERANA IANYA  
TELAH MENJEASKAN FASILITI AWAM DAN JUGA KESELAMATAN ORANG AWAM

## JALAN SIMPANG GADING - PEKAN DURIAN TUNGGAL



ANTARA POKOK TEKOMA DAN PALMA YANG HENDAK DITEBANG KERANA IANYA  
TELAH MENJEJASKAN FASILITI AWAM DAN JUGA KESELAMATAN ORANG AWAM

## JALAN PARIT MELANA - KG. PULAU, DURIAN TUNGGAL



ANTARA POKOK KAYU MANIS, POKOK SENA DAN KEKABU YANG HENDAK DITEBANG  
KERANA IANYA TELAH MENJEJASKAN FASILITI AWAM DAN JUGA KESELAMATAN  
ORANG AWAM

**JALAN PARIT MELANA - KG. PULAU, DURIAN TUNGGAL**



ANTARA POKOK KAYU MANIS, POKOK SENA DAN KEKABU YANG HENDAK DITEBANG  
KERANA IANYA TELAH MENJEASKAN FASILITI AWAM DAN JUGA KESELAMATAN  
ORANG AWAM